



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 1

12hb Januari 2017

TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN

K. P.U. 2.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2016

SUSUNAN PERENGGAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

3. Peruntukan tempat letak kereta
4. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor kecuali di tempat letak kereta atau petak letak kereta

Perenggan

5. Pematuhan syarat
6. Caj yang ditetapkan hendaklah dibayar kepada atendan letak kereta
7. Cara meletak kenderaan motor
8. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan
9. Kenderaan motor yang dikecualikan
10. Kesahan tiket

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

11. Penetapan tempat letak kereta bertiket
12. Pematuhan arahan atendan letak kereta
13. Pembayaran caj ditetapkan
14. Caj tambahan
15. Tidak membayar caj tambahan adalah satu kesalahan
16. Sekatan meletak kenderaan motor kali kedua dengan menggunakan tiket asal
17. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket

BAHAGIAN IV

LETAK KERETA BERMUSIM

18. Penetapan tempat letak kereta bermusim
19. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket letak kereta bermusim
20. Tiket letak kereta bermusim
21. Mempamerkan tiket letak kereta bermusim
22. Tidak mempamerkan tiket letak kereta bermusim

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

Perenggan

23. Penetapan tempat letak kereta bermeter
24. Tempat letak kereta bermeter
25. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan
26. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
27. Meter letak kereta yang rosak
28. Gangguan terhadap meter letak kereta

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

29. Penetapan tempat letak kereta bayar dan peraga
30. Tempat letak kereta bayar dan peraga
31. Pengeluaran kad meter
32. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan
33. Mempamerkan tiket bayar dan peraga
34. Tidak mempamerkan tiket bayar dan peraga
35. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
36. Meter letak kereta yang rosak
37. Gangguan terhadap mesin bayar dan peraga

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

38. Penetapan tempat letak kereta berkupon
39. Pengeluaran kupon letak kereta

Perenggan

40. Penggunaan kupon letak kereta
41. Pematuhan syarat
42. Mempamerkan kupon letak kereta
43. Tidak mempamerkan tiket letak kereta berkupon

BAHAGIAN VIII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

44. Penetapan tempat letak kereta terkawal
45. Tempat letak kereta terkawal
46. Syarat untuk meletak kenderaan motor
47. Penalti kerana menghilangkan atau merosakkan tiket tempat letak kereta terkawal

BAHAGIAN IX

TEMPAT LETAK KERETA ALAT PERAGA BERELEKTRONIK

48. Penetapan tempat letak kereta alat peraga berelektronik
49. Pengeluaran kad prabayar dan alat peraga berelektronik
50. Syarat alat peraga berelektronik
51. Cara penggunaan alat peraga berelektronik
52. Kredit kad pra-bayar tidak cukup
53. Mempamerkan alat peraga berelektronik
54. Alat peraga berelektronik yang rosak

BAHAGIAN X

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR IKUT PLAT

55. Penetapan tempat letak kereta bayar ikut plat
56. Tempat letak kereta bayar ikut plat

Perenggan

57. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan
58. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta
59. Meter letak kereta bayar ikut plat yang rosak
60. Gangguan terhadap meter letak kereta bayar ikut plat

BAHAGIAN XI

MENGAPIT, MENGALIH DAN MENAHAN KENDERAAN MOTOR

61. Pengapitan, pengalihan dan penahanan kenderaan motor

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

62. Keselamatan kenderaan motor lain
63. Penutupan sementara tempat atau petak letak kereta
64. Tidak boleh menuntut lebihan caj letak kereta
65. Larangan berdagang atau berniaga
66. Larangan membaiki kenderaan motor
67. Larangan membasuh atau mencuci
68. Larangan menggunakan tempat letak kereta selain daripada untuk meletak kenderaan motor
69. Tidak dibenarkan mengutip caj parking kereta
70. Pengalihan tiket, resit atau kompaun
71. Kecemasan
72. Liabiliti pemunya berdaftar
73. Petak letak kereta khas
74. Isyarat lalulintas

Perenggan

75. Pendakwaan

76. Penalti

77. Kuasa untuk mengkompaun

78. Penyampaian dokumen

79. Kuasa untuk meminda atau memansuhkan Jadual

80. Pemansuhan, peralihan dan pengecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Perbandaran Kulim dengan persetujuan Menteri membuat perintah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Kulim) 2016**.
- (2) Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulim.
- (3) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.
- (4) Perintah ini tidaklah terpakai bagi mana-mana ambulan, kereta bomba dan polis.
- (5) Majlis boleh, menurut budi bicara mengecualikan mana-mana badan atau orang daripada membayar apa-apa caj tempat letak kereta yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

“alat peraga berelektronik” ertinya suatu jenis alat elektronik yang berfungsi bersama dengan suatu kad prabayar bagi membayar caj ditetapkan bagi suatu tempat letak kereta;

“atendan letak kereta” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis bagi maksud Perintah ini dan termasuklah mana-mana anggota unit penguatkuasaan Majlis dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menyelia, menguruskan atau menjaga mana-mana tempat letak kereta dan memungut caj yang ditetapkan;

“caj yang ditetapkan” ertinya caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi pembayaran caj meletak kereta berkenaan dengan kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta atau tempat letak kereta;

“halangan” ertinya sesiapa yang bukan bagi tujuan letak kereta, menggalang atau menyebabkan galangan di mana-mana tempat letak kereta awam atau petak letak kereta yang diwartakan dalam perintah ini atau mana-mana kenderaan motor yang diletakkan bukan di tempat letak kereta yang diwartakan;

“jalan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kad bayaran” termasuklah kad kredit atau kad debit;

“kad meter” ertinya kad yang dikeluarkan oleh Majlis membenarkan mana-mana orang yang ingin meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bayar dan peraga mengikut caj letak kereta yang ditetapkan;

“kad pra-bayar” ertinya suatu kad yang digunakan dalam alat peraga berelektronik yang mengandungi sejumlah amaun wang yang telah dibayar terlebih dahulu kepada Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis, dan amaun wang di dalam kad itu boleh ditambah nilainya;

“kenderaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“kenderaan motor” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“kenderaan perkhidmatan awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“kupon letak kereta” ertinya kupon yang dikeluarkan oleh Majlis apabila bayaran dibuat yang di atasnya tercatat caj yang ditetapkan, tempoh masa dan tarikh bagi membenarkan kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kulim;

“meletak kereta” ertinya membawa suatu kenderaan motor kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan menunggu bagi apa-apa maksud termasuk mengambil atau menurunkan orang, barang atau bagasi;

“meter letak kereta” ertinya suatu radas yang dibina dan direka bentuk untuk menerima bayaran bagi meletakkan kenderaan motor di dalam petak letak kereta dan termasuklah tiang besi penyangga atau apa-apa topangan lain yang dipasang kepada radas;

“meter letak kereta bayar dan peraga” ertinya meter letak kereta yang, apabila dimasukkan syiling atau kad meter ke dalam meter dan dengan menekan, memusing atau memetik mana-mana alat yang ditunjukkan di meter letak kereta bayar dan peraga, akan mengeluarkan suatu tiket letak kereta bayar dan peraga;

“meter letak kereta bayar ikut plat” ertinya meter letak kereta yang berfungsi apabila dimasukkan syiling atau wang kertas atau kad bayaran dan nombor pendaftaran kenderaan motor ke dalam meter letak kereta, kemudian mekanisme di dalam meter letak kereta secara automatik akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletakkan di mana-mana tempat letak kereta bayar ikut plat mengikut nilai yang dimasukkan;

“meter letak kereta jenis automatik” ertinya meter letak kereta yang berfungsi apabila dimasukkan syiling ke dalam meter letak kereta dan kemudian mekanisme di dalam meter letak kereta secara automatik akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletakkan mengikut nilai syiling yang dimasukkan;

“meter letak kereta jenis manual” ertinya meter letak kereta yang berfungsi apabila syiling dimasukkan ke dalam meter letak kereta dan kemudian tombol ditekan atau dipetik apa-apa alat lain yang perlu bagi membolehkan syiling diterima oleh meter;

“pemunya kenderaan motor” ertinya mana-mana orang yang merupakan pemunya kenderaan motor yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan;

“petak letak kereta” ertinya suatu petak yang ditandakan dengan garisan bercat, tatahan, tanda atau tanda lain di tempat letak kereta bagi meletakkan suatu kenderaan motor;

“petak letak kereta khas” ertinya suatu petak letak kereta yang dikhaskan kegunaannya kepada orang, kenderaan motor atau keadaan tertentu dengan bayaran dan petak letak kereta itu ditandakan dengan apa-apa cara yang ditetapkan oleh Majlis;

“sepanjang jalan” ertinya seluruh panjangnya jalan yang disebut namanya dalam Jadual Kedua;

“syiling” ertinya syiling mata wang Malaysia;

“tempat letak kereta” ertinya suatu tempat yang diasangkan sebagai tempat di mana kenderaan motor atau mana-mana kelas atau perihalan kenderaan motor yang dinyatakan diletak;

“tempat letak kereta bayar dan peraga” ertinya tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar dan peraga digunakan;

“tempat letak kereta bayar ikut plat” ertinya tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar ikut plat digunakan;

“tempat letak kereta bermeter” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta jenis manual atau jenis automatik digunakan;

"tempat letak kereta bermusim" ertinya mana-mana tempat letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan bayarannya dibuat secara bulanan;

"tempat letak kereta bertiket" ertinya tempat letak kereta bertiket seperti dinyatakan dalam Jadual Kedua di mana bayaran caj yang ditetapkan adalah mengikut jam dan untuk setiap jam kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, tiket akan dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang menyatakan kadar caj;

"tempat letak kereta terkawal" ertinya suatu tempat letak kereta di mana masa masuk dan keluar daripada tempat letak kereta tersebut direkodkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket automatik dan tempoh letak kereta dikira dari masa tersebut;

"tiket letak kereta" –

(a) berhubung dengan tempat letak kereta bertiket ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang padanya boleh dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, caj yang ditetapkan, tarikh serta tempoh masa kenderaan motor itu dibenar diletakkan; dan

(b) berhubungan dengan tempat letak kereta terkawal ertinya tiket yang dikeluarkan samada oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik yang tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

"tiket letak kereta bayar dan peraga" ertinya tiket yang dikeluarkan oleh meter letak kereta bayar dan peraga yang padanya tercatat nombor pendaftaran kenderaan motor, tarikh, tempat dan tempoh masa bagi meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga;

"tiket letak kereta bermusim" ertinya tiket, kad atau pelekat yang dikeluarkan oleh Majlis yang menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor dan tempoh sah letak kereta di mana-mana tempat letak kereta dalam kawasan Majlis;

"wang kertas" ertinya wang kertas mata wang Malaysia; dan

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

Peruntukan tempat letak kereta

3. Tempat letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan mana-mana tempat letak kereta diluluskan selepas ini oleh Majlis yang diperuntukkan bagi penggunaan kenderaan motor hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Perintah ini.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor kecuali di tempat letak kereta atau petak letak kereta

4. Tiada seorang pun boleh meletak suatu kenderaan motor, membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di tempat dan petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

Pematuhan syarat

5. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis bagi penggunaan tempat letak kereta itu.

Caj yang ditetapkan hendaklah dibayar kepada atendan letak kereta

6. Tiada seorang pun melainkan atendan letak kereta boleh mengutip caj letak kereta yang ditetapkan dari mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor bagi penggunaan tempat letak kereta.

Cara meletak kenderaan motor

7. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis hendaklah meletakkan kenderaan motor dengan cara yang berikut:

(a) kenderaan motor itu hendaklah dalam kedudukan yang kenderaan motor itu secara keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta;

(b) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalu lintas dan hendaklah mematuhi semua isyarat lalu lintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta;

(c) pemandu kenderaan motor hendaklah mematikan enjin kenderaannya sebaik sahaja berada di dalam petak letak kereta; dan

(d) tidak merintangi mana-mana garisan petak letak kereta yang telah ditandakan.

(2) Jika mana-mana kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta tidak mematuhi subperenggan 7(1), mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih kenderaan motor itu supaya kedudukannya mematuhi subperenggan 7(1) dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberikan oleh atendan letak kereta atau pegawai polis yang beruniform itu.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

8. Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta atau petak letak kereta tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam waktu kawalan yang ditentukan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Kenderaan motor yang dikecualikan

9. Perintah ini tidak terpakai bagi mana-mana ambulans atau kereta bomba atau kenderaan rasmi pasukan polis atau kereta rasmi ahli Dewan Rakyat, ahli Dewan Undangan Negeri, ahli Dewan Negara atau Ahli Majlis yang boleh dikenal pasti dengan lencana rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Kesahan tiket

10. Tiket letak kereta yang telah diubah, dipinda dirosakkan atau dilipat hendaklah menjadi tidak sah walaupun tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan masih belum tamat.

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

Penetapan tempat letak kereta bertiket

11. Majlis menetapkan—

- (a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta bertiket seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan
- (b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta bertiket seperti dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Pematuhan arahan atendan letak kereta

12. Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bertiket hendaklah mematuhi arahan yang berkaitan dengan meletak kenderaan bermotor diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta di tempat letak kereta itu.

Pembayaran caj ditetapkan

13. (1) Sebaik sahaja sesebuah kenderaan motor diletakkan, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta dan meletakkan tiket itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh tiket itu dikeluarkan.

(2) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di petak letak kereta selepas tamat tempoh sejam dari masa tiket letak kereta itu dikeluarkan maka atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta yang lain dan hendaklah terus berbuat demikian pada akhir tiap-tiap jam.

Caj tambahan

14. Mana-mana orang yang tidak membayar caj ditetapkan selepas pengeluaran tiket letak kereta yang disebut dalam subperenggan 13(1) hendaklah, apabila diberitahu secara bertulis mana-mana orang yang gagal berbuat demikian, dalam tempoh empat belas hari membayar kepada Majlis suatu caj tambahan sebanyak empat ringgit bagi setiap jam kenderaan motor itu diletakkan di petak letak kereta bertiket tanpa membayar bayaran letak kereta.

Tidak membayar caj tambahan adalah satu kesalahan

15. Mana-mana orang yang gagal mematuhi subperenggan 13(1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subperenggan 13(2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Sekatan meletak kenderaan motor kali kedua dengan menggunakan tiket asal

16. Tiada seorang pun yang telah mengalihkan kenderaan motornya dari tempat letak kereta sebelum tamat tempoh yang dibenarkan bagi meletakkan kenderaan motor itu boleh meletakkan kenderaan motor itu dalam petak yang sama bagi kali kedua, melainkan dikeluarkan tiket baru kepadanya.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket

17. Tiada seorang pun boleh—

- (a) meletakkan, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor diletak di mana-mana tempat letak kereta bertiket tanpa tiket letak kereta; atau
- (b) terus meletak, menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan motor terus diletak di petak letak kereta selepas tamat tempoh masa suatu kenderaan itu dibenarkan diletak.

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah perintah ini.

BAHAGIAN IV

TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM

Penetapan tempat letak kereta bermusim

18. Majlis menetapkan—

- (a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta bermusim seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan

- (b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta bermusim seperti di dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket letak kereta bermusim

19. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan, menyebabkan atau membenarkan diletak mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta tanpa tiket letak kereta bermusim.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan 19(1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Tiket letak kereta bermusim

20. (1) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh diperolehi setelah dibayar caj yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Pertama dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

Mempamerkan tiket letak kereta bermusim

21. Suatu tiket letak kereta bermusim yang sah hendaklah dipamerkan pada setiap masa di atas cermin hadapan kenderaan motor bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk memeriksa tiket itu semasa kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta.

Gagal mempamerkan tiket letak kereta bermusim

22. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang--

(a) gagal mempamerkan tiket letak kereta bermusim yang sah dengan jelas; atau

(b) mempamerkan tiket letak kereta bermusim yang telah tamat tempoh, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah perintah ini.

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

Penetapan tempat letak kereta bermeter.

23. Majlis menetapkan--

(a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta bermeter seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan

- (b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta bermeter seperti di dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Tempat letak kereta bermeter

24. Suatu tempat letak kereta bermeter boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan tiap-tiap petak hendaklah disediakan satu meter letak kereta jenis manual atau meter jenis automatik.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

25. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj yang ditetapkan dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang kenderaan itu hendak diletak.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

26. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan kenderaan motor itu terus berada di petak letak kereta selepas habis tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan di meter letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah, sebelum atau sebaik sahaja habis tempoh letak kereta terdahulu, memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendakinya sehingga tempoh maksima yang dibenarkan pada sesuatu masa.

Meter letak kereta yang rosak

27. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di petak letak kereta bermeter di mana meter letak kereta itu tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Apabila hal yang tersebut dalam subperenggan 27(1) telah disahkan, atendan letak kereta berkenaan hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi yang padanya hendaklah ditulis—

(a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;

(b) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bermeter itu yang sama dengan amaun syiling yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu; dan

(c) menampalkan suatu salinan pendua resit rasmi itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atandan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut.

Gangguan terhadap meter letak kereta

28. Tiada seorang yang tidak diberi kuasa boleh mengalih, mengetuk, mengganggu atau mengusik perjalanan meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana dari perbuatan sedemikian, menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada, mengecat atau menulis atas, merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta.

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

Penetapan tempat letak kereta bayar dan peraga

29. Majlis menetapkan—

- (a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta bayar dan peraga seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan
- (b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta bayar dan peraga seperti di dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Tempat letak kereta bayar dan peraga

30. Sesuatu tempat letak kereta bayar dan peraga boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan bagi sebilangan petak letak kereta itu sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis, hendaklah disediakan dengan satu meter letak kereta bayar dan peraga.

Pengeluaran kad meter

31. Majlis atau mana-mana orang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan kad meter apabila dibayar caj ditetapkan bagi meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga atau mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

32. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta bayar dan peraga tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Sebaik sahaja pemandu atau pemunya kenderaan motor meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bayar dan peraga membuat bayaran caj yang ditetapkan dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga syiling, wang kertas atau kad meter sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta bayar dan peraga yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan untuk apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletak.

Mempamerkan tiket bayar dan peraga

33. (1) Setelah menerima tiket letak kereta bayar dan peraga, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan tiket itu atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk diperiksa tiket berkenaan ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bayar dan peraga.

(2) Tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah diubah, dipinda, dirosakkan atau dilipat hendaklah menjadi tidak sah walaupun tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan masih belum tamat.

Tidak mempamerkan tiket bayar dan peraga

34. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang –

(a) gagal mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang sah dengan jelas; atau

(b) mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah tamat tempoh,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

35. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di petak letak kereta bayar dan peraga selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana yang ditunjukkan pada tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah memperoleh tiket letak kereta bayar dan peraga yang baru dengan memasukkan syiling atau kad meter ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj yang ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang dikehendaki.

Meter letak kereta yang rosak

36. (1) Mana-mana orang yang meletak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga di mana meter letak kereta bayar dan peraga tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Atendan letak kereta yang disebut di bawah subperenggan 36(1) hendaklah mengesahkannya dan hendaklah, di atas pengesahan itu—

- (a) mengeluarkan suatu resit rasmi yang di atasnya hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bayar dan peraga yang sama kadarnya dengan amaun syiling atau kad meter yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga; dan
- (b) menampal salinan pendua resit rasmi di cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta bayar dan peraga yang tidak berfungsi atau rosak bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta bayar dan peraga itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara yang difikirkan patut.

Gangguan terhadap meter bayar dan peraga

37. Tiada seorang pun yang diberikuasa boleh mengalih, mengetuk, mengganggu atau mengusik perjalanan meter bayar dan peraga atau cuba melakukan mana-mana dari perbuatan sedemikian, tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada, mengecat atau menulis atas, merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter bayar dan peraga.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Penetapan tempat letak kereta berkupon

38. Majlis menetapkan—

- (a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta berkupon seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan
- (b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta berkupon seperti di dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Pengeluaran kupon letak kereta

39. Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis secara bertulis boleh mengeluarkan kupon letak kereta setelah caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dijelaskan bagi meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta berkupon.

Penggunaan kupon letak kereta

40. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletak kenderaan motornya di tempat letak kereta berkupon sahaja.

Pematuhan syarat

41. Mana-mana orang yang gagal mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta adalah melakukan suatu kesalahan.

Mempamerkan kupon letak kereta

42. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mempamerkan kupon itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan dan mudah dilihat ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon.

(2) Jika lebih dari satu kupon diperlukan untuk digunakan di tempat letak kereta berkupon, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan kesemua kupon itu pada masa yang sama.

(3) Kupon letak kereta yang telah digunakan mengikut tempoh masa yang diperlukan hendaklah menjadi tidak sah jika kupon itu tamat tempoh, dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat.

Tidak mempamerkan tiket letak kereta berkupon

43. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor—

(a) gagal mempamerkan kupon letak kereta yang sah dengan jelas; atau

(b) mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

BAHAGIAN VIII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

Penetapan tempat letak kereta terkawal

44. Majlis menetapkan—

(a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta terkawal seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan

(b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta terkawal seperti di dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Tempat letak kereta terkawal

45. Sesuatu tempat letak kereta terkawal boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Syarat untuk meletak kenderaan motor

46. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket atau token letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Setelah menerima tiket letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membuat caj seperti yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Pertama tertakluk kepada subperenggan 46(1).

Penalti kerana menghilangkan atau merosakkan tiket kereta terkawal

47. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang kehilangan tiket letak kereta ataupun telah merosakkan tiket itu hendaklah membayar apa-apa caj sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

BAHAGIAN IX

TEMPAT LETAK KERETA ALAT PERAGA BERELEKTRONIK

Penetapan tempat letak kereta alat peraga berelektronik

48. Majlis menetapkan—

(a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta alat peraga berelektronik seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan

(b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta alat peraga berelektronik seperti dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Pengeluaran kad prabayar dan alat peraga berelektronik

49. Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan kad prabayar dan alat peraga berelektronik kepada mana-mana orang setelah orang itu membayar suatu nilai yang ditetapkan bagi kad prabayar dan alat peraga berelektronik itu.

Syarat alat peraga berelektronik

50. Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan alat peraga berelektronik bagi membayar caj ditetapkan hendaklah mematuhi syarat alat peraga berelektronik itu.

Cara penggunaan alat peraga berelektronik

51. (1) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan alat peraga berelektronik bagi membayar caj ditetapkan hendaklah mengaktifkan alat peraga berelektronik yang berfungsi bersama kad prabayar bagi membolehkan suatu amaun tertera pada alat itu semasa tempoh kenderaan motor itu diletak di suatu tempat letak kereta.

(2) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor tidak boleh meletakkan kenderaan motornya di suatu tempat letak kereta jika tiada apa-apa amaun tertera pada skrin alat peraga berelektronik itu.

(3) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang tidak mematuhi perenggan ini melakukan suatu kesalahan.

Kredit kad pra-bayar tidak cukup

52. (1) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah memastikan kad pra-bayar yang digunakan dalam alat peraga berelektronik adalah sah dan mempunyai kredit yang mencukupi bagi membayar caj ditetapkan bagi meletak kenderaan motornya.

(2) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor tidak boleh membenarkan atau menyebabkan kenderaan motornya diletak berterusan di petak letak kereta jika kredit kad pra-bayarnya tidak mencukupi.

(3) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang tidak mematuhi subperenggan 52(2) melakukan suatu kesalahan.

Mempamerkan alat peraga berelektronik

53. Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan alat peraga berelektronik hendaklah pada setiap masa mempamerkan alat peraga berelektronik itu di tempat yang mudah dilihat di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan kenderaan motornya.

Alat peraga berelektronik yang rosak

54. (1) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan tempat letak kereta tidak boleh mempamerkan alat peraga berelektronik yang rosak.

(2) Alat peraga berelektronik yang rosak atau tidak dapat dibaca oleh alat pengimbas elektronik Majlis hendaklah menjadi tidak sah walaupun masa dan tarikh yang dinyatakan pada alat peraga berelektronik itu masih belum tamat.

(3) Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang tidak mematuhi subperenggan 54(1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN X

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR IKUT PLAT

Penetapan tempat letak kereta bayar ikut plat

55. Majlis menetapkan—

- (a) caj ditetapkan bagi tempat letak kereta bayar ikut plat seperti dalam ruang (2) Jadual Pertama; dan
- (b) waktu kawalan bagi tempat letak kereta bayar ikut plat seperti di dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Tempat letak kereta bayar ikut plat

56. Sesuatu tempat letak kereta bayar ikut plat boleh dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan bagi sebilangan petak letak kereta itu sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan

57. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta bayar ikut plat tanpa membuat bayaran caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Sebaik sahaja pemandu atau pemunya kenderaan motor meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bayar ikut plat perlu—

- (a) memasukkan ke dalam meter letak kereta bayar ikut plat sama ada syiling, wang kertas atau kad bayaran sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta bayar ikut plat sepetimana caj yang ditetapkan untuk apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletak; atau
- (b) membuat bayaran sama ada melalui telefon bimbit atau bayaran atas talian sepetimana caj yang ditetapkan untuk apa-apa tempoh kenderaan motor itu hendak diletak.

Tidak membuat bayaran caj yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor selepas tamat tempoh letak kereta

58. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di petak letak kereta bayar ikut plat selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta perlu—

- (a) memasukkan sama ada syiling, wang kertas atau kad bayaran ke dalam meter letak kereta bayar ikut plat sepetimana caj yang ditetapkan untuk apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendaki; atau
- (b) membuat bayaran sama ada melalui telefon bimbit atau bayaran atas talian sepetimana caj yang ditetapkan untuk apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendaki.

Meter letak kereta bayar ikut plat yang rosak

59. (1) Mana-mana orang yang meletak kereta di tempat letak kereta bayar ikut plat di mana meter letak kereta bayar ikut plat tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendant letak kereta mengenai hal itu.

(2) Atendant letak kereta yang disebut di bawah subperenggan 59(1) hendaklah mengesahkannya dan hendaklah, di atas pengesahan itu—

- (a) mengeluarkan suatu resit rasmi yang di atasnya hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bayar ikut plat yang sama kadarnya dengan amaun syiling atau kad meter yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta bayar ikut plat; dan
- (b) menampal salinan pendua resit rasmi di cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan yang mudah dilihat.

(3) Atendant letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta bayar ikut plat yang tidak berfungsi atau rosak bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta bayar ikut plat itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara yang difikirkan patut.

Gangguan terhadap meter letak kereta bayar ikut plat

60. Tiada seorang pun yang diberikuasa boleh mengalih, mengetuk, mengganggu atau mengusik perjalanan meter letak kereta bayar ikut plat atau cuba melakukan mana-mana dari perbuatan sedemikian, tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada, mengecat atau menulis atas, merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta bayar ikut plat.

BAHAGIAN XI

MENGAPIT, MENGALIH DAN MENAHAN KENDERAAN MOTOR

Pengapitan, pengalihan dan penahanan kenderaan motor

61. (1) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin

menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tak berpatutan kepada pengguna-pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana atenden letak kereta atau mana-mana pegawai polis boleh mengapit roda kenderaan motor itu atau mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana jalan lain atau mana-mana lokasi atau tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu notis dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya.

(2) Jika sesuatu kenderaan motor diapit rodanya di bawah subperenggan 61(1), mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana atenden letak kereta atau mana-mana pegawai polis yang berkenaan hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya tentang pengapitan roda itu dan mengkehendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh empat jam dari waktu notis itu, untuk hadir dan meminta supaya kenderaan itu dilepaskan dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai.

(3) Jika mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah subperenggan 61(1) atau 61(2), mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana atenden letak kereta atau mana-mana pegawai polis yang berkenaan hendaklah dalam masa dua puluh empat jam, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya mengenai pengalihan itu dan menghendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan menuntut kenderaan itu.

(4) Selepas tuntutan diterima di bawah subperenggan 61(2) atau 61(3), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah dibayar fi bagi pengapitan, pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(5) Jika dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu hendaklah dilucutahkan dan keempunyaan kenderaan motor itu terletak hak pada Majlis.

(6) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana atenden letak kereta, mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit atau dialihkan atau semasa ia ditahan melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian atau dengan sengaja.

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

Keselamatan kenderaan motor lain

62. Tiada kenderaan motor boleh dipandu, ditunda atau ditolak dalam kawasan tempat letak kereta kecuali dengan cara yang teratur dan cermat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan lain-lain kenderaan motor dan orang di dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Penutupan sementara tempat atau petak letak kereta

63. (1) Majlis boleh menutup sementara penggunaan mana-mana tempat atau petak letak kereta apabila penggantungan itu difikirkan perlu --

- (a) bagi maksud memudahkan pergerakan lalu lintas atau mewujudkan keselamatan lalu lintas;
- (b) bagi maksud menjalankan apa-apa kerja binaan, perobohan atau pengorekan yang bersebelahan atau berdekatan dengan tempat letak kereta, bagi penyelenggaraan, pemajuan atau pembinaan semula tempat letak kereta, pemasangan, pendirian, pengubahan atau pemberian mana-mana betung, kabel, paip atau peralatan untuk kemudahan utiliti yang bersebelahan atau berdekatan dengan tempat letak kereta;
- (c) bagi menyenangkan penghuni premis yang bersebelahan atau berdekatan dengan tempat letak kereta ketika mengadakan upacara rasmi atau agama atau peristiwa lain yang tertentu; atau
- (d) bagi apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Tertakluk kepada subperenggan 63(1), mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah menampalkan suatu notis bagi maksud itu di tempat yang berhampiran atau di tempat atau petak letak kereta dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang meletak apa-apa kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta itu melainkan jika ia berhubungan bagi maksud penggantungan itu dibuat.

(3) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motornya di tempat atau petak letak kereta itu adalah menyalahi undang-undang melainkan jika ia berhubungan bagi maksud penggantungan itu dibuat.

(4) Tertakluk kepada subperenggan 63(1)(d), jika mana-mana orang memerlukan penggunaan mana-mana petak atau petak-petak letak kereta digantung bagi tujuan persendirian, suatu permohonan bagi penggantungan itu hendaklah dibuat kepada Majlis dengan menyatakan lokasi, nombor petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan dan orang itu hendaklah membayar kepada Majlis apa-apa caj yang ditetapkan oleh Majlis untuk tempoh penggantungan itu.

Tidak boleh menuntut lebihan caj letak kereta

64. Mana-mana orang yang telah mengeluarkan kenderaan motornya dari suatu petak letak kereta sebelum tamat tempoh masa yang dibenarkan untuk meletak kenderaan motor itu tidak berhak untuk menuntut apa-apa lebihan caj letak kereta yang telah dibayar bagi lebihan masa yang tidak digunakan.

Larangan berdagang atau berniaga

65. Tertakluk kepada perenggan 63(1)(d), tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

Larangan membaiki kenderaan motor

66. Tiada seorang pun boleh membaiki mana-mana kenderaan motor atau membenarkan kenderaan motor dibaiki di tempat letak kereta kecuali dalam hal pembaikeannya perlu untuk membolehkan kenderaan motor itu dialih daripada petak letak kereta itu.

Larangan membasuh atau mencuci

67. Tiada seorang pun boleh mencuci, membersihkan, menyebabkan, membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta.

Larangan menggunakan tempat letak kereta selain daripada untuk meletak kenderaan motor

68. Tiada seorang pun boleh meletak atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana kenderaan motor untuk menjual kenderaan itu semasa kenderaan itu diletakkan di tempat atau petak letak kereta atau menggunakan kenderaan motor yang diletakkan di tempat atau petak letak kereta selain tujuan meletak kereta.

Tidak dibenarkan mengutip caj tempat letak kereta

69. Tiada sesiapa pun selain daripada atendan letak kereta yang bertugas atau pemunya atau pemandu atau penumpang sesebuah kenderaan motor yang diletak di sesuatu tempat letak kereta boleh berada atau tinggal di tempat letak kereta itu.

Pengalihan resit, tiket atau kompaun

70. Tiada seorang pun melainkan seorang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengalih atau menyebabkan dialih apa-apa resit, tiket atau notis kompaun yang dikeluarkan oleh mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat semasa ianya diletakkan di tempat atau petak letak kereta.

Kecemasan

71. Dalam keadaan kecemasan, mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih ke mana-mana tempat yang difikirkan sesuai mana-mana kenderaan motor yang diletak di tempat atau petak letak kereta.

Liabiliti pemilik berdaftar

72. Sekiranya seseorang yang melakukan kesalahan di bawah perintah ini bukan pemilik berdaftar kenderaan motor itu, pemilik kenderaan motor tersebut hendaklah dianggap bertanggungan apabila orang itu tidak dapat dikenalpasti atau dikesan.

Petak letak kereta khas

73. (1) Tiada seorang pun boleh meletak kenderaan motor di mana-mana petak letak kereta khas yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Suatu permohonan bagi menggunakan petak letak kereta khas hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dengan membuat pembayaran caj seperti ditetapkan di dalam ruang (2) Jadual Pertama apabila permohonan diluluskan.

(3) Majlis pada bila-bila masa boleh, membatalkan kelulusan suatu petak letak kereta khas tanpa memberi apa-apa sebab.

(4) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di petak letak kereta khas hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta di petak letak kereta khas itu.

(5) Tiada seorang pun boleh meletakkan, menyebabkan, atau membenarkan diletak mana-mana kenderaan motor di petak letak kereta khas tanpa kelulusan daripada Majlis.

Isyarat lalu lintas

74. Majlis boleh mengadakan suatu atau beberapa papan tanda di setiap tempat letak kereta yang menunjukkan jenis tempat letak kereta itu dan boleh mendirikan apa-apa tanda atau isyarat sebagaimana yang difikirkan perlu untuk mengarah atau mengatur kenderaan-kenderaan motor di tempat letak kereta itu.

Pendakwaan

75. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini.

(2) Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Penalti

76. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ringgit dan selanjutnya membayar kepada Majlis apa-apa bayaran yang terhutang dan kena dibayar di bawah mana-mana peruntukan Perintah ini.

Kuasa untuk mengkompaun

77. (1) Apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikompaun oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 120 Akta.

(2) Jumlah wang yang dikutip bagi mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini hendaklah tidak melebihi tiga ratus ringgit.

(3) Tawaran untuk mengkompaun apa-apa kesalahan dan penerimaan tawaran kompaun hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

Penyampaian dokumen

78. Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa untuk menyampaikan apa-apa notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen yang dikehendaki disampaikan di bawah Perintah ini boleh—

- (a) meletak dan meninggalkannya di mana-mana bahagian kenderaan motor yang berkenaan dengannya notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu dikeluarkan agar mudah dilihat oleh pemandu atau pemunya kenderaan motor itu dan penyampaian itu dianggap sebagai sempurna;
- (b) menyerahkan kepada penama yang di atas namanya notis, perintah, kompaun atau dokumen itu dikeluarkan;
- (c) sekiranya penyampaian secara kediri tidak dapat dilakukan, penyampaian secara ganti boleh dibuat dengan meninggalkan notis, perintah, kompaun atau dokumen itu di alamat biasa yang terakhir yang diketahui;
- (d) melalui pos berdaftar ke alamat biasa yang terakhir yang diketahui; atau
- (e) dengan cara mengiklankannya dalam mana-mana akhbar harian.

Kuasa untuk meminda atau memansuhkan Jadual

79. Majlis boleh menambah, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian dalam mana-mana Jadual di bawah perintah ini sekiranya Majlis berpendapat adalah perlu dan suai manfaat untuk berbuat demikian.

Pemansuhan, peralihan dan pengecualian

80. (1) Perintah Lalu Lintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Daerah Kulim 1999 dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun atau dokumen yang telah dikeluarkan atau dibuat terdahulu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Perintah ini sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 11, 18, 23, 29, 38, 48, 55, 44, 73]

CAJ BAGI TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET, TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM, TEMPAT LETAK KERETA BERMETER, TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA, TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON, TEMPAT LETAK KERETA ALAT PERAGA ELEKTRONIK, TEMPAT LETAK KERETA BAYAR IKUT PLAT, TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL, DAN PETAK LETAK KERETA KHAS

Bil.	Jenis Tempat Letak Kereta	Caj Tempat Letak Kereta	Waktu Kawalan
	(1)	(2)	(3)
1.	Tempat letak Kereta Bertiket	RM1.00 untuk 1 jam RM0.50 untuk 1 jam berikutnya	Ahad – Jumaat
2.	Tempat Letak Kereta Bermusim	RM60.00 untuk 1 bulan	8.00 pagi – 10.00 malam
3.	Tempat Letak kereta Bermeter	RM0.10 untuk 5 minit RM0.20 untuk 10 minit RM0.30 untuk 15 minit RM0.40 untuk 20 minit RM0.50 untuk 25 minit RM0.60 untuk 30 minit RM0.70 untuk 35 minit RM0.80 untuk 40 minit RM0.90 untuk 45 minit RM1.00 untuk 50 minit RM1.10 untuk 55 minit RM1.20 untuk 60 minit	Sabtu dan hari kelepasan am percuma
4.	Tempat Letak Kereta Bayar Dan Peraga Tempat Letak Kereta Berkupon	RM0.30 untuk 30 minit RM0.60 untuk 1 jam RM3.00 untuk 1 hari RM60.00 untuk 1 bulan	
	Tempat Letak Kereta Alat Peraga Elektronik		
	Tempat Letak Kereta Bayar Ikut Plat		

Bil.	Jenis Tempat Letak Kereta	Caj Tempat Letak Kereta	Waktu Kawalan
	(1)	(2)	(3)
5.	Tempat Letak Kereta Terkawal	Percuma untuk 10 minit pertama RM0.60 untuk 1 jam pertama RM0.30 untuk 30 minit seterusnya RM3.00 – RM30.00 sekali masuk RM60.00 untuk 1 bulan	Ahad – Jumaat 8.00 pagi – 10.00 malam Sabtu dan hari kelepasan am percuma
6.	Petak Letak Kereta Khas	RM100.00 untuk 1 bulan	

JADUAL KEDUA

KAWASAN LETAK KERETA
MAJLIS PERBANDARAN KULIM

(1)

Bil. Kawasan

Kulim

1. Taman Tunku Putra
2. Jalan Bayu
3. Kompleks Ta Kwong
4. Jalan Raya
5. Jalan Tunku Mansor
6. Kompleks PKNK
7. Jalan Sekolah
8. Jalan Tunku Mohd Asaad
9. Jalan Merdeka
10. Jalan Aman
11. Jalan Tunku Ibrahim
12. Jalan Teoh Moh Soo
13. Jalan Tunku Putra
14. Jalan Market
15. Jalan Tunku Abidah
16. Jalan Hospital
17. Jalan Cahaya
18. Jalan Suria
19. Jalan Laksamana

(1)

Bil. Kawasan

Kulim

20. Taman Pelangi
21. Taman Cenderawasih
22. Taman Kejora
23. Pusat Perniagaan Putra A
24. Taman Bukit Awi
25. Taman Akasia
26. Taman Beringin
27. Bandar Putra Kulim
28. Taman Keranji
29. Taman Kemuning
30. Taman Bukit Kulim
31. Taman Seri Petaling
32. Taman Kempas
33. Taman Kempas Indah
34. Taman Cengal
35. Lembah Impiana
36. Taman Selasih
37. Taman Semarak
38. Taman Cendana
39. Taman Seraya Indah
40. Kulim Landmark
41. Taman Malawis

Lunas

1. Taman Nenas
2. Taman Manggis 1,2
3. Pusat Perniagaan Putra B
4. Taman Putra
5. Jalan Pecah Batu
6. Taman Seluang
7. Taman Badlishah
8. Taman Ilmiah
9. Taman Ihsan
10. Taman Pandan Indah
11. Kulim Square Indah
12. Taman Pegaga
13. Taman Cekur Manis
14. Taman Seri Seladang
15. Taman Mewah
16. Taman Sang Kancil
17. Taman Sejahtera
18. Taman Desa Lunas

(1)

Bil. Kawasan

Lunas

19. Jalan Raya Lunas
20. Taman Desa Permai
21. Taman Seri Sentosa
22. Jalan Padang Serai
23. Taman Seri Limau
24. Taman Bayam
25. Taman Sawi
26. Taman Kobis
27. Taman Lobak
28. Taman Kangkong
29. Taman Halia
30. Taman Saderi
31. Taman Kucai
32. Industri Saujana

Padang Serai

1. Taman Ria
2. Taman Jaya
3. Taman Mahsuri
4. Taman Lagenda
5. Taman Damai
6. Taman Serai Setia
7. Taman Serai Wangi
8. Taman Serai
9. Taman Berkat
10. Jalan Bagan

JADUAL KETIGA

[Subperenggan 61(4)]

FI BAGI PENGAPITAN, PENGALIHAN DAN PENAHANAN
KENDERAAN MOTOR

(1)

Bil. Butiran

(2)

Bayaran Maksimum yang
Boleh Dikenakan

1. Fi pengapitan dan/atau pengalihan

RM300.00

Bil	Butiran	Bayaran Maksimum yang Boleh Dikenakan
(1)	(2)	
2.	Bayaran penahanan yang dikira bagi setiap hari sehingga tarikh kenderaan dilepaskan	RM20.00
3.	Perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Majlis	Tiada had

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Kulim dalam mesyuaratnya pada 29 Jun 2016
 [MPKK.US(S): 599/0032/1/1(6)]

HAJI MD NORDIN BIN YAHYA
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada 26 Oktober 2016.
 [PSU(K) 98-1396 Jld. 18 SK. 31]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman

ROAD TRANSPORT ACT 1987ROAD TRANSPORT (PROVISION OF PARKING PLACES)
(KULIM MUNICIPAL COUNCIL) ORDER 2016

ARRANGEMENT OF PARAGRAPHS

PART I

PRELIMINARY

Paragraph

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

PART II

GENERAL PROVISION

3. Provision of parking places
4. Prohibition on parking except in a parking place or parking space
5. Compliance of conditions
6. Prescribed charge to be paid to parking attendant
7. Mode of parking
8. Prohibition of parking without the payment of the prescribed charge
9. Exemption to vehicles which are exempted
10. Validity of parking ticket

PART III

TICKET PARKING PLACE

11. Designation of ticket parking place
12. Compliance with direction of parking attendant
13. Payment of prescribed charges